

'Gubal hukuman lebih keras'

SHAH ALAM - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin mencadangkan kerajaan menggubal undang-undang yang lebih tegas dan keras ke atas pesalah perkauman dan penyebar kebencian.

Menurutnya, pelaksanaan undang-undang itu sangat penting kerana kebelakangan ini seolah-olah ada usaha bagi menyalakan api perkauman.

Katanya, isu perkauman dan sentimen keagamaan jika tidak dikawal akan merebak ke satu tahap yang mengakibatkan kebencian dan seterusnya boleh memusnahkan negara.

"Tiba masanya komitmen dan keseriusan pihak kerajaan menangani hal yang membahayakan ini diperkukuh," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam perkembangan lain, Zuraida berkata, usaha ke arah integrasi rakyat dalam portfolio perumahan sudah berjalan dan giat dilaksanakan.

Bellau berkata, pihaknya amat serius dalam memastikan setiap kawasan perumahan yang dibina menitikberatkan pembangunan komuniti termasuk pembangunan fizikal serta



ZURAIDA

aktiviti kemasyarakatan yang termaktub dalam Dasar Komuniti Negara dan Dasar Perumahan Negara.

Katanya, semua pihak dapat menyaksikan bagaimana rakyat Malaysia duduk bersama dalam sebuah komuniti berbilang bangsa dan latar belakang.

"Hakikatnya ialah negara ini terbina daripada ke-ringat dan usaha pelbagai kaum. Ia tidak boleh dinafikan sesiapa.

"Malah kemerdekaan itu digenggam hasil perjanjian dan idealisme pemimpin terdahulu bahawa negara mengiktiraf pelbagai bangsa dan agama sebagai warganya," kata beliau.

Katanya, rakyat perlu membuang hipokrasi yang menyebut perpaduan di mulut tetapi daki perkauman menebal di dada.